

27 FEB 1996

Mahathir-Sabah

PERLEMBAGAAN SABAH: PINDAAN MENGIKUT UNDANG-UNDANG

KUALA LUMPUR, 27 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, cadangan meminda perlembagaan negeri Sabah akan dibuat mengikut undang-undang.

Beliau berkata, adalah tidak perlu bagi pungutan suara bagi tindakan itu kerana perlembagaan membenarkan pindaan di buat.

Bercakap kepada pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur selepas pulang dari lawatan kerja tiga hari ke Jepun, Dr Mahathir berkata pindaan itu perlu bagi mengurangkan kuasa pentadbiran Ketua Menteri Sabah.

Beliau berkata demikian semasa mengulas kenyataan presiden Parti Bersatu Sabah (PBS) Datuk Joseph Pairin Kitingan yang mendakwa kerajaan cuba meminda undang-undang negeri tanpa meminta pendapat rakyat Sabah dan PBS mungkin membawa perkara itu ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa jika kerajaan meneruskan cadangannya itu.

Dr Mahathir berkata pada masa dahulu, seorang Ketua Menteri Sabah mempunyai kuasa untuk meluluskan konsesi balak dan kontrak-kontrak kerajaan negeri tanpa berunding dengan sesiapa dan boleh menariknya balik dan ditawarkan semula kepada orang lain.

Ini tidak sihat dan kuasa seperti itu menyebabkan setiap orang mahu menjadi Ketua Menteri sementara ada pula yang takut apabila Ketua Menteri itu tidak begitu ramah dengan mereka, kata beliau lagi.

Dr Mahathir berkata Pairin juga melakukan benda yang sama semasa memegang jawatan itu.

Beliau berkata, ini bukan seperti di negeri-negeri lain yang mana pegawai-pegawai lain ataupun Kabinet juga mempunyai hak untuk menghalang ataupun mengubah sesuatu.

"(Ia) tidak boleh menjadi budi bicara Ketua Menteri untuk menjadikan rakyat kaya ataupun miskin," kata beliau.

Perdana Menteri berkata, pilihan bagi penggiliran jawatan Ketua Menteri Sabah masih terbuka dan belum ada keputusan di buat mengenainya.

Beliau berkata, Datuk Salleh Tun Said Keruak akan terus memegang jawatan Ketua Menteri sehingga perlembagaan dipinda.

"Apabila kita telah meminda perlembagaan, kita akan membuat keputusan sama ada untuk meneruskan jawatan Datuk Salleh ataupun melantik Ketua Menteri baru, jadi pilihan itu masih terbuka," kata beliau. -- BERNAMA

AFY PR